

Berita Sukan



KEJOHANAN SUKAN STAF IPTA KE 29

Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti-Universiti Malaysia Ke 29 telah diadakan pada 18 - 24 April 2004. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menjadi tuan rumah bagi kejohanan yang diadakan setiap tahun ini. Kejohanan ini disertai oleh seramai 3,051 atlet sukan staf mewakili tujuh belas buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia. Majlis perasmian kejohanan ini disempurnakan oleh YB Dato' Dr. Shafie Mohd. Salleh, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia.

Kejohanan ini merupakan penyertaan kali kedua bagi Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Pada kejohanan kali ini, seramai 115 orang atlet sukan staf KUKUM terlibat dalam beberapa acara sukan yang dipertandingkan. Kontinjen KUKUM diketuai sendiri oleh Rektor, Y. Bhg. Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin b. Hussin.

KUKUM menyertai sembilan daripada sembilan belas acara sukan yang dipertandingkan iaitu bola sepak senior, bola sepak veteran,

bola jaring, bola tampar, tenpin boling, boling padang, badminton campuran, tenis campuran, sepak takraw dan golf jempunan.

Pada kejohanan kali ini KUKUM berjaya menempatkan diri sehingga ke peringkat separuh akhir bagi dua acara sukan iaitu bola sepak senior dan bola tampar. Sesungguhnya kejayaan tersebut walaupun tidak sehingga ke peringkat akhir, menjadi pembakar semangat kepada semua atlet kerana pencapaian mengatasi pasukan-pasukan dari IPTA lain yang terlebih dahulu bergiat aktif dalam sukan yang dipertandingkan.

Kejohanan ini secara tidak langsung dapat mencungkil bakat-bakat baru dalam bidang sukan di kalangan staf dan menjadi asas untuk mencapai tahap yang lebih cemerlang. Semoga pasukan atlet KUKUM terus berusaha mencapai kejayaan yang lebih gemilang pada kejohanan-kejohanan akan datang.

Disediakan oleh : Norsyahiza Hamzah